



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 21 JANUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	28 AQUACULTURE PREMISES IN SARAWAK MYGAP CERTIFIED, ONLINE, BORNEO POST (KUCHING)	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	KEPUPUSAN KERANG PERLU DITANGANI SEGERA, SUARA SINAR, SH -16	
3.	PERAK RANCANG MUNCUL HAB HALAL DAGING, PERIKATAN NASIONAL, HARAKAH -H18	LAIN-LAIN
4.	APMM PULAU PINANG RAMPAS 14 BUBU NAGA, NEGARA, KOSMO -15	
5.	14 BUBU NAGA DIRAMPAS BOLEH BERI KESAN BURUK, LOKAL, HM -3	
6.	14 SET BUBU NAGA DIRAMPAS, NEGERI PERAK/N9/P.PINANG, SH -26	
7.	TUKAR STRATEGI BERNIAGA, COVID-19, HM -7	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	28 aquaculture premises in Sarawak MyGAP certified		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	21 Jan 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	11	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	330 cm ²
Journalist	Matthew Umpang	AdValue	RM 4,500
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 13,500



28 aquaculture premises in Sarawak MyGAP certified

Matthew Umpang

SERIAN: The Sarawak Marine Fisheries Department has issued the Malaysian Good Agricultural Practices Scheme (MyGAP) certification to 28 aquaculture premises in the state.

Sarawak Marine Fisheries director Bohari Leng said those certified by MyGAP are four farms, 19 cage breeders, and five hatcheries.

"Certification will only be given to any company that applies and successfully practices the biosecurity aspect of Good Aquaculture Practice (GAQP) well.

"The certification issued by the Department of Fisheries Malaysia through the Fisheries Biosecurity Branch aims to help breeders in aquaculture compete in the larger market," Bohari said on Tuesday when handing over MyGAP certification to Borneo Empurau Farm Sdn Bhd – the first Empurau hatchery in Sarawak to receive the certification.

He explained certification guarantees the quality and safety of products produced.

"This certification also takes into account the welfare of the company's workers including their health, to ensure that their workers are free from diseases that can bring pollution to the fishery products," he said.

To achieve certification, the basic principles of Fisheries



Bohari (third left) hands over the MyGAP certificate to Yong.

Biosecurity must be achieved such as good, clean, and controlled management procedures; good fish seed and health monitoring system; as well as management of controlled chemical use.

"It also proves that the company's products are able to penetrate the import and export markets of local and even international countries," said Bohari.

He encouraged other companies to apply for MyGAP certification to ensure that their products meet the criteria of the export market, which expects high product quality assurance.

Critical controls and strict conditions on fishery products have been imposed by most importers such as the European Union (EU), Australia, and South

Korea, he said.

"Through this certification, it can help ensure that the principles of biosecurity are achieved, especially in terms of management, livestock system, records, and tracking," he said.

He added the Fisheries Department conducts regular inspections on any company awarded MyGAP certification to ensure they always comply with the guidelines set.

Borneo Empurau Farm and Resort Sdn Bhd owner Datuk Yong Fook Heng said the MyGAP certification is very important to enable products from the farm to be exported abroad and their quality recognised.

"If you want to export products overseas, you really need a MyGAP certificate. If we do not

have this certificate, we will not be able to export our products to any place," he said.

Yong said the farm and resort are expected to officially open in September but it would depend on the Covid-19 situation.

Equipped with 31 chalets, a restaurant serving empurau, and an 18-room longhouse, the agrotourism project is at 90 per cent completion.

Once completed it will also have man-made waterfalls, horseback riding, mini zoo, mini water theme park, aquaponics centre, forest tracks, organic fruit and vegetable garden, and Borneo freshwater fish aquarium.

Apart from empurau, the park also breeds hybrid tilapia, goldfish, and prawns.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2021	SINAR HARIAN	SUARA SINAR	16

Kepupusan kerang perlu ditangani segera



PARANG TUMPUL

JUNHAIRI ALYASA

Kerang merupakan antara makanan yang menjadi kegemaran rakyat Malaysia tetapi kini ia sudah menjadi makanan untuk golongan kaya.

Ini kerana sejak beberapa tahun kebelakangan ini, harga kerang sudah melambung tinggi sehingga RM20 sekilogram berbanding harga pada 10 tahun lalu yang hanya dijual RM6 sekilogram.

Ada dua faktor yang menyebabkan harga kerang meningkat. Pertama, pencemaran dan kedua, kerana tangkapan berlebihan.

Sebenarnya, spesies kerang di Malaysia ini memang unik kerana pengawalan hidupan laut itu telah dilakukan sejak tahun 1960-an lagi. Selain spesies kerang darah yang banyak terdapat di negara ini, spesies yang turut dikawal ialah siput retak seribu atau popular dalam kalangan rakyat Malaysia sebagai lala.

Di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Pemuliharaan dan Kultur Kerang), untuk menangkap hidupan itu perlu mendapat permit apabila sudah mencapai saiz yang dibenarkan iaitu empat milimeter.

Jika ada mana-mana pihak yang

melanggar peraturan, mereka yang terlibat boleh didenda sehingga RM20,000 atau penjara selama dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kerang di negara ini juga hanya boleh didapati di sekitar kawasan pantai berlumpur di Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Johor. Spesies ini akan membiak pada musim-musim tertentu.

Disebabkan permintaan kerang yang begitu tinggi dan mahal pada ketika ini menyebabkan kes-kes kecurian benih kerang semakin menjadi-jadi.

Menurut sumber, ada pihak tertentu telah mengupah orang untuk mencuri benih kerang sebelum ia dijual dan dibiakkan di kebun-kebun kerang.

Ada juga dakwaan yang mengatakan benih kerang yang dicuri itu diseludup ke Thailand untuk dibiakkan di negara tersebut sebelum dijual kembali ke Malaysia.

Difahamkan harga bagi benih-benih kerang boleh mencecah sehingga RM750 seguni.

Menurut satu laporan, jumlah pendaratan kerang yang dilaporkan cukup membimbangkan. Bermula pada tahun 2010 hingga 2016 mencatatkan penurunan amat tinggi iaitu sebanyak 80 peratus.

Di Perak, kemerosotannya mendadak kepada 7,000 tan metrik saja berbanding 70,000 tan metrik pendaratan kerang pernah direkodkan pada tahun 1995.

Di Pulau Pinang, kesannya juga ketara apabila pada tahun 2016 jumlah pendaratan tidak sampai 2,000

tan metrik berbanding 16,000 tan metrik pada 1996.

Jabatan Perikanan meramalkan kerang boleh pupus di negara ini jika langkah untuk mengawal kepupusan hidupan itu tidak dilakukan segera.

Sudah tentu kita semua tidak mahu kehilangan khazanah alam unik negara.

Tiga minggu lepas, *Sinar Harian* ada melaporkan pengusaha kerang dan penduduk setempat di Sekincan mengeluh berikutan kegiatan mencuri benih kerang semakin berleluasa di kawasan sekitar pesisir Pantai Sungai Leman.

Mereka mendakwa terdapat lebih 70 bot roto dikesan mengambil kerang secara haram di kawasan perairan itu dalam sesuatu masa.

Lebih membimbangkan kegiatan mengambil benih kerang itu dilakukan dengan menggunakan bot roto yang boleh mengakibatkan kemusnahan sumber laut lain.

Penggunaan bot roto membolehkan enjin bot melalui dasar tanah dan lumpur yang mengakibatkan kemusnahan habitat cengkerang lain seperti mentarang, kijing, lala, kupang dan siput.

Isu yang dibangkitkan rakyat ini bukan baharu sebaliknya sudah kerap disuarakan sehingga ada yang membuat tuduhan terhadap pihak berkuasa. Kita juga faham tentang kesukaran untuk bertindak terhadap kes-kes kecurian benih kerang ini.

Mungkin kita boleh cadangkan kepada pihak berkuasa, jika ada mana-mana pihak yang berani tampil dan membuat laporan, mereka boleh diberikan ganjaran yang lumayan.

** Junhairi Alyasa ialah Penolong Pengarang Pengisian Berita Sinar Harian*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2021	HARAKAH	PERIKATAN NASIONAL	H18

Perak rancang muncul hab halal daging

SUNGAI BULOH: Kerajaan Perikatan Nasional (PN) Perak berusaha untuk muncul sebagai hab halal terkemuka pengeluaran daging di negara ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Razman Zakaria berkata, usaha ke arah itu sebagai langkah mengurangkan kegusaran rakyat terhadap status halal daging yang diimport.

Katanya, kerajaan Perak mengambil serius menangani isu jaminan daging halal.

"Kerajaan negeri serius menjadikan Perak sebagai hab halal yang dapat memenuhi keperluan dan permintaan pengguna tanpa diragui status halalnya.

"Sehingga sekarang terdapat kira-kira 30 usahawan yang menjalinkan kerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNNP) dalam projek penternakan lembu dan kambing.



Razman Zakaria bertukar cenderahati dengan Dr Khairuddin Aman Razali.

"Penternakan itu di seluruh Perak dan produk sedia dipasarkan di pasaran sedia ada," ujarnya ketika merasmikan program kerjasama Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNNP) dengan syarikat pemasaran daging halal, Eurofresh Sdn Bhd di sini baru-baru ini.

Menurutnya juga kerajaan negeri sentiasa memastikan beka-

lan bahan mentah dan makanan asas di Perak mencukupi bagi keperluan rakyat.

Katanya bekalan itu termasuk makanan asasi, sayur-sayuran, daging dan sebagainya.

Razman juga berkata, negeri itu menyasarkan pengeluaran padi sebanyak sembilan tan per hektar.

Menurutnya juga Perak berpotensi besar muncul sebagai pengeluar utama tanaman komoditi seperti kenaf dan buluh yang akan memberi keuntungan besar kepada pengusaha tempatan.

Sebelum itu beliau menerima kunjungan hormat Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato' Dr Mohd Khairuddin Aman Razali di pejabatnya.

Hadir sama pada lawatan berkenaan Ketua Pegawai Eksekutif PPPNNP Yahanis Yahya dan Pengerusi Lembaga Getah Malaysia Properties Corporation Muhammad Ismi Mat Taib. - *Stratcom*

APMM Pulau Pinang rampas 14 bubu naga

GEORGE TOWN – Maritim Malaysia (APMM) negeri merampas 14 set bubu naga semasa operasi di kira-kira 1.8 batu nautika barat daya Sungai Krian, dekat sini kelmarin.

Pengarah Maritim negeri, Kapten Maritim Abd. Razak Mohamed dalam satu kenyataan berkata, menerusi Ops Benteng kira-kira pukul 3 petang itu, pihaknya membawa bubu naga yang dirampas itu ke Jeti Pasukan Polis Marin Batu

Uban untuk sisatan lanjut.

Menurutnya, kes itu akan disiasat mengikut Seksyen 11(3) (c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan iaitu bubu naga.

Dalam pada itu, beliau meminta orang awam melaporkan kejadian mencurigakan, keceemasan atau kemalangan di laut di talian kecemasan 24 jam iaitu MERS 999 atau pusat operasi di talian **04-2626146**.



SEBAHAGIAN bubu naga yang dirampas APMM Pulau Pinang kelmarin.



BUBU naga yang dirampas APMM menerusi Op Benteng.

14 bubu naga dirampas boleh beri kesan buruk

Georgetown: Sebanyak 14 bubu naga yang dipasang di perairan Sungai Kerian di sini, dirampas pihak berkuasa, kelmarin.

Tindakan itu dikesan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) ketika menjalankan peman-tauan Op Benteng, pada jam 3 petang.

Pengarah Maritim Negeri Pulau Pinang, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, bubu naga itu dikesan pada kedudukan kira-kira 1.8 batu nautika barat daya Sungai Kerian.

Katanya, semua set bubu naga yang dirampas dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin Batu Uban bagi diambil tin-

dakan lanjut.

“Maritim Malaysia memandang serius kesalahan ini kerana penggunaan peralatan bubu naga secara haram boleh menjejaskan sumber perikanan berikutan sifatnya yang tidak selektif selain turut memerangkap anak ikan komersial.

“Ia sekali gus memberi kesan buruk kepada sumber hasil laut dan memusnahkan biodiversiti marin,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan iaitu bubu naga.

21/1/2021

SINAR HARIAN

NEGERI PERAK/N9/
P.PINANG

26

14 set bubu naga dirampas

Dikesan anggota ketika rondaan Ops Benteng

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI

GEORGETOWN

Angensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang merampas sebanyak 14 set bubu naga di perairan Sungai Kerian jam 3 petang pada Selasa.

Pengarahnya, Kepten Maritim Abdul Razak Mohamed berkata, bubu naga itu dikesan di kedudukan 1.8 batu nautika barat daya Sungai Kerian ketika sepasukan anggota sedang melakukan rondaan Ops Benteng di perairan Pulau Pinang.

"Kesemua set bubu naga yang dirampas dibawa ke Jeti

Pasukan Polis Marin Batu Uban untuk siasatan lanjut.

"Kes diasiat mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan iaitu bubu naga.

"Ia memperuntukkan denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya jika disabit kesalahan," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Katanya, penggunaan peralatan bubu naga secara haram boleh menjejaskan sumber perikanan negara kerana sifatnya yang tidak selektif.

"Tindakan pemasangan bubu itu juga akan memerangkap anak ikan komersial sekali gus memusnahkan biodiversiti marin.

"Orang awam diminta melaporkan sebarang kejadian



BUBU NAGA

- Diperbuat daripada jaring dan fizikalnya tidak lasak
- Panjangnya antara 6 hingga 10 meter
- Mempunyai lebih daripada dua injap, dipasang berangkai dan bermata kecil
- Harga serendah RM70 dan dipercayai boleh diperolehi dari Thailand
- Biasanya digunakan di kawasan pesisiran pantai
- Digelar bubu naga kerana bentuknya yang panjang menyerupai naga

mencurigakan, kecemasan atau kemalangan di laut di talian kecemasan 24 jam iaitu MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Negeri Pulau Pinang di talian 04-262 6146," katanya.



Sebanyak 14 set bubu naga dirampas Maritim Malaysia Pulau Pinang di perairan Sungai Kerian pada Selasa.

Oleh Zulhiaty Zulkiffi
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Sebahagian besar nelayan di sekitar pelantar Kampung Seberang Kota, Kuala Kedah di sini, menukar strategi perniagaan dengan menjual hasil tangkapan menerusi penghantaran dari rumah ke rumah sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Jumaat ini.

Nelayan, Japarudin Jaafar, 52, berkata, pengalaman ketika PKP Mac lalu membuat mereka lebih bersedia mencari sumber pendapatan disebabkan pergerakkan terhad.

Beliau berkata, nelayan boleh meneruskan aktiviti me-

angkap ikan seperti biasa, namun sebahagiannya dijual melalui peniaga di pelantar itu dan bakinya dijual menerusi penghantaran ke rumah.

"Kami turun ke laut seperti biasa seawal jam 5:30 pagi setiap hari dan akan pulang ke sini sebaik tangkapan diperolehi.

"Kalau ada peraih nak beli, kita jual terus dan kalau ada ikan tak habis serta susah nak jual, kita akan hantar mengikut tempahan tapi dikenakan caj mengikut kawasan kerana masa PKP, ramai yang tak boleh keluar ru-

mah," katanya ditemui di pelantar ikan Kampung Seberang Kota, di sini, semalam.

Japarudin berkata, ketika PKP tahun lalu, kebanyakan hasil nelayan yang tidak dapat dijual diserahkan kepada Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Kedah untuk membantu.

Namun, katanya, untuk kali ini, nelayan akan cuba menjual dengan kaedah sendiri kerana PKP hanya dua minggu sehingga 4 Februari ini.

"Tangkapan diperolehi setiap hari ada yang dapat 200

Tukar strategi berniaga

Nelayan jual hasil tangkapan melalui penghantaran rumah ke rumah ketika PKP

hingga 800 kilogram untuk sebuah bot, tapi pembelinya mungkin berkurang.

"Peraih dari luar Kedah juga ada datang ke sini untuk membeli dua kali seminggu, kadang-kadang empat tan atau lima tan pelbagai jenis tangkapan ikan sebab mereka datang dengan lori," katanya.

Japarudin berkata, kira-kira 100 bot beroperasi menangkap ikan di pelantar Seberang Kota dan jumlah itu tidak termasuk di kawasan lain atau kawasan berhampiran Kuala Kedah,

Katanya, kalau ada permintaan, pihaknya akan membungkus ikan bergantung tempahan pelanggan dan menghantarnya selepas jam 12 tengah hari.

Peniaga ikan, Khadijah Md Shah, 46, berkata, harga ikan juga masih meningkat bergantung jenis saiz antara RM8 hingga RM12 sekilogram.

Katanya, kebanyakan pelancong ikan di pelantar itu tidak beroperasi namun bersedia menjual ikan secara dalam talian atau penghantaran dari rumah ke rumah.



Kalau ada peraih nak beli, kita jual terus dan kalau ada ikan tak habis serta susah nak jual, kita akan hantar mengikut tempahan tapi dikenakan caj mengikut kawasan"

Japarudin Jaafar